

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 25 JULAI 2006, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 21

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1132-L951
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan sama ada kajian dilakukan untuk memastikan keberkesanan kempen Budi Bahasa di kalangan rakyat negara kita. Jika ya, sejauh manakah kesannya. Apakah kempen-kempen lain yang harus diketengahkan bagi memastikan rakyat negara kita mempunyai harga diri dan jati diri.
2. PN-1132-L1134
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah pelantikan Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan baru-baru ini tidak mewakili muka baru wanita tempatan. 2 orang ahli wanita yang sedia ada, salah seorang adalah orang luar yang sudah berkhidmat lebih 15 tahun dan salah seorang lagi jarang bercakap dan menyumbang idea dalam Mesyuarat Majlis. Jika dikatakan rombakan baru satu pembaharuan, kenapa ia tidak dilakukan untuk 2 wakil wanita ini. Apa rasionalnya mengekalkan mereka ini.
3. PN-1132-L1069
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menambahkan peruntukan bagi R&D di Lembaga Getah Malaysia (LGM) bagi meningkatkan pengeluaran getah asli memandangkan harga getah telah meningkat di pasaran dunia.
4. PN-1132-L1212
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menampung kekurangan tanah taraf pertanian ekoran daripada pengambilan secara besar-besaran ladang getah, kelapa sawit dan sawah padi untuk dijadikan kawasan perumahan, perindustrian dan pembangunan bandar baru.

5. PN-1132-L856
Tuan Gooi Hoe Hin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan mengapa terdapat Kementerian lain yang menganjurkan berbagai persidangan teknologi maklumat walhal KTAK adalah Kementerian yang bertanggungjawab mengikut undang-undang di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan apakah tindakan yang diambil supaya perkara sedemikian dapat diselaraskan agar tidak berlaku pertindihan fungsi/tanggungjawab.
6. PN-1132-L1236
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memperbaiki kemudahan sistem pengangkutan awam khususnya di ibu negara. Kerajaan patut mewujudkan pusat sistem perhubungan bagi perhubungan antara STAR transit sebagai mengambil contoh sistem pengangkutan awam di luar negara. Ini dapat menggalakkan para pengguna menggunakan kemudahan pengangkutan awam di Malaysia.
7. PN-1132-L993
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah 'konsep bina dan jual' akan dilaksanakan. Apakah langkah proaktif Kerajaan untuk menjamin masa depan pemaju-pemaju perumahan bermodal kecil supaya mereka tidak gulung tikar jika konsep baru ini dilaksanakan.
8. PN-1132-L1283
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah program-program menerapkan nilai-nilai budaya minda kelas pertama dilaksanakan kepada anak-anak di desa.
9. PN-1132-L1300
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar pertumbuhan Institusi Kewangan Islam di Malaysia antara tahun 2000 hingga 2005 dan senaraikan lesen-lesen terbaru yang diluluskan untuk perbankan Islam.
10. PN-1132-L1312
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan untuk mempertingkatkan imej negara kita, apakah tindakan selaras dengan dasar-dasar WHO dan FDA yang telah dan akan diambil untuk memastikan wabak selesema burung (Bird Flu) dan wabak kuku dan mulut (Foot and Mouth Disease) tidak akan berlaku lagi di Malaysia.
11. PN-1132-L1231
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk mengkategorikan telekomunikasi sebagai utiliti serta apakah dasarnya seperti mana air dan juga elektrik sejajar dengan aspirasi negara agar Malaysia menjadi pusat utama komunikasi serantau.

12. PN-1132-L1090
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah langkah Kementerian ini dalam memastikan bahawa klinik atau poliklinik desa dapat memberikan perkhidmatan terbaik terhadap masyarakat setempat dari segi peralatan dan kemudahan yang disediakan.
13. PN-1132-L1020
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan berapakah bilangan MyKad palsu yang dapat dikesan sehingga Mac 2006 di negara kita dan apakah kaedah-kaedah yang akan digunakan bagi menangani masalah ini.
14. PN-1132-L1210
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah jenis-jenis makanan yang dijual di kantin sekolah, khususnya sekolah rendah bersesuaian dengan pertumbuhan dan kesihatan kanak-kanak atau adakah pihak Kementerian menentukan senarai barang yang boleh atau tidak boleh dijual di kantin tersebut.
15. PN-1132-L943
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan adakah pelan induk kebangsaan bagi menangani banjir wujud atau masih dalam perancangan dan apakah peruntukan tambahan yang pasti diberi bagi projek-projek utama dalam 5 tahun ini bagi mengatasi masalah banjir.
16. PN-1132-L1097
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan institusi-institusi kewangan di negara ini mengenakan pelbagai caj bayaran ke atas pelanggannya. Contohnya setiap satu panggilan telefon yang dibuat oleh pihak bank kepada pemilik akaun semasa dikenakan caj sebanyak RM100, dan caj RM50 dikenakan ke atas pemegang kad kredit yang melebihi had kredit yang telah ditetapkan. Adakah caj-caj ini munasabah. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan.
17. PN-1132-L1181
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah yang perlu diambil Kerajaan untuk mengatasi masalah projek-projek perumahan yang terbengkalai dan membebankan rakyat.
18. PN-1132-L863
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah pinjaman PTPTN yang telah disalurkan dan daripada jumlah tersebut berapakah jumlah kutipan bayaran balik yang telah dikutip serta apakah tindakan ke atas peminjam yang masih liat untuk membayar balik pinjaman kerana jika dibiarkan ia akan menjadi teladan kepada peminjam lain di samping tidak adil kepada peminjam yang telah membayar.

19. PN-1132-L1110
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam mempertingkatkan mutu pencapaian Sekolah-sekolah Berasrama Penuh (SBP) di seluruh negara agar lebih berdaya saing memandangkan sejak kebelakangan ini prestasinya agak merosot.
20. PN-1132-L1325
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kesan ke atas ekonomi negara sejak Ringgit 'unpegged' dengan Dollar Amerika.
21. PN-1132-L1009
Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg.Ahmad Raffae minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di Sabah memandangkan daerah-daerah luar bandar secara logistiknya begitu berjauhan. Nisbah jumlah doktor di negeri seperti Selangor 1 : 600 orang dan di negeri Sabah 1 : 2,500 orang.
22. PN-1132-L903
Ir. Hiang A Li minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan perkhidmatan bekalan air adalah didapati tidak memuaskan kerana sistem saluran paip yang sedia ada telah uzur dan sering menghadapi masalah paip pecah atau kebocoran. Ini telah menyebabkan pembaziran air dan kualiti air yang tidak selamat untuk diminum. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menggantikan paip-paip air yang bermasalah ini.
23. PN-1132-L891
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan perjalanan Program Rakam Muda sekarang dan sebab-sebab ia disambut dingin.
24. PN-1132-L882
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (JPPM) sedar terdapat persatuan yang berdaftar atas nama kebudayaan tetapi menjalankan kegiatan agama dan politik. Apakah tindakan Kerajaan terhadap persatuan tersebut.
25. PN-1132-L1199
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang status tahap kemiskinan dalam negara. Nyatakan garis kemiskinan dan bila kali terakhir kita membuat semakan kepada metodologi atau cara kita memberi takrif serta membuat perkiraan kepada garis kemiskinan. Sekiranya ada semakan baru, sila nyatakan berapakah kadar garis kemiskinan untuk bandar dan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak.

26. PN-1132-L1017
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan kerugian yang ditanggung oleh Kerajaan ke atas pembinaan e-village dan apakah yang menyebabkan kegagalan tersebut dan siapakah yang bertanggungjawab.
27. PN-1132-L1052
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan orang yang telah mendaftar sebagai penderma organ di Sarawak dan apakah langkah-langkah yang telah diperkenalkan bagi menggalakkan pendermaan organ di kalangan penduduk Sarawak.
28. PN-1132-L1047
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengapakah kita menjual 'Malaysia' sebagai destinasi beli belah, alam sekitar dan syurga makanan. Bagaimana tentang menifestasi budaya dan seni kita. Apakah perlu kerjasama Kementerian dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dalam hal memasarkan seni dan budaya tempatan.
29. PN-1132-L898
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan :-
- (a) apakah Kementerian bercadang untuk menubuhkan satu unit audit bebas bagi memantau pembelian perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di sekolah-sekolah bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dan pembaziran; dan
 - (b) apakah semua sekolah termasuk di kawasan luar bandar yang tiada kemudahan bekalan elektrik akan dibekalkan dengan kemudahan ICT dan setakat ini, berapa buah sekolah yang sudah menikmati kemudahan tersebut.
30. PN-1132-L1073
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci konsep-konsep "GST" "Tourist Refund Scheme" dan "Zero-rated Supply" yang akan dilancarkan pada tahun 2008.
31. PN-1132-L1059
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah persiapan yang pasukan bomba dan penyelamat kita telah lakukan dari segi latihan dan alatan canggih untuk menghadapi kebakaran yang berkemungkinan berlaku di bangunan-bangunan pencakar langit di negara kita.

32. PN-1132-L1250
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah keputusan Kementerian memperkenalkan latihan pengendalian senjata api, Colt M16 termasuk berpeluang melepaskan 20 das tembakan menggunakan peluru hidup tidak akan mendatangkan kesan negatif terhadap pelatih-pelatih PLKN.
33. PN-1132-L1117
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan perancangan penyusunan semula pusat serenti mengikut keseriusan tahap penagih menagih dadah.
34. PN-1132-L1166
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tanda aras-tanda aras yang akan diguna pakai bagi menilai Sistem Petunjuk Pembangunan Mampan Malaysia seperti yang digariskan di dalam RMK-9.
35. PN-1132-L1278
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil bagi memantapkan lagi sistem pertahanan negara sebagai persediaan daripada menghadapi apa-apa ancaman keselamatan terhadap negara.
36. PN-1132-L847
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prosedur yang biasa diamalkan apabila seseorang memeluk agama Islam dan sejauh mana prosedur ini diketahui oleh semua pihak yang berkepentingan.
37. PN-1132-L1272
Tuan Chiw Tiang Chai minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah kebajikan anggota polis (PDRM) benar-benar terbela daripada sudut elaun, perumahan, perubatan dan pinjaman kewangan memandangkan jasa serta pengorbanan mereka terhadap negara amat besar bagi menjaga keselamatan dan keharmonian rakyat jelata.
38. PN-1132-L1104
Datuk Chew Vun Ming minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan di dalam suasana ekonomi negara yang stabil dan membangun, mengapakah hospital atau klinik masih lagi mengenakan caj ke atas rakyat negara ini setiap kali mereka mengunjungi hospital atau klinik bagi mendapatkan khidmat perubatan kesihatan.
39. PN-1132-L1141
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah peniaga samseng di Jalan Petaling (Petaling Street) yang telah dikenal pasti dan nyatakan bentuk tindakan yang telah diambil.

40. PN-1132-L846
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan garis panduan yang diguna pakai bila mengadakan perjanjian FTA dengan sesebuah negara asing.
41. PN-1132-L971
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah kutipan hasil yang telah diperolehi oleh syarikat kontrak swasta iaitu Syarikat Pantai Supreme System Sdn. Bhd. bagi melaksanakan pengendalian E-Kesihatan untuk mengelakkan penipuan di dalam pelaksanaan memperbaharui lesen memandu kenderaan perdagangan sejak ianya ditubuhkan dan apakah strategi pemantauan yang dibuat oleh Kerajaan agar ianya benar-benar boleh memenuhi sasaran dan matlamat Kerajaan.
42. PN-1132-L1191
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan adakah kerana pihak polis lambat memberi respons kepada panggilan mengenai kejadian jenayah, sehingga ada kes-kes di mana orang awam sendiri yang membuat tangkapan awam (citizen arrest) hingga menyebabkan kecederaan dan kematian suspek yang ditangkap oleh mereka.
43. PN-1132-L1259
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sejauh manakah kajian telah dibuat berhubung kenaikan harga minimum terkawal padi, dalam usaha meningkat taraf sosio ekonomi petani kerana paras harga sekarang sudah terlalu lama.
44. PN-1132-L1124
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil bagi membantu peniaga-peniaga yang telah terjejas berikutan daripada Kementerian yang menghadkan pengeluaran lesen besi buruk kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan.
45. PN-1132-L1133
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil Kementerian untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.
46. PN-1132-L1182
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada penyelidikan telah dijalankan oleh Kementerian untuk mengkaji impak ketidakseimbangan bilangan guru lelaki dan perempuan dan apakah kesan daripada keadaan di mana terdapat jumlah guru perempuan jauh lebih ramai dari guru lelaki.

47. PN-1132-L1263
Datuk Armani binti Haji Mahiruddin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membina Hospital Universiti Malaysia Sabah bagi kemudahan para penuntut UMS dalam bidang perubatan.
48. PN-1132-L1036
Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tidakkah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat di mana setiap filem iklan yang hendak ditayangkan di Malaysia sama ada di televisyen, pawagam, elektronik, bil board dan lain-lain hendaklah diperbuat di Malaysia.
49. PN-1132-L1098
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai peruntukan kewangan yang secukupnya untuk tuisyen bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris yang dapat membantu meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris bagi pelajar-pelajar di kawasan luar bandar.
50. PN-1132-L828
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan Kementerian untuk membantu ibu-ibu muda di banda raya yang dikatakan mengalami tekanan (stres) yang tinggi berpunca daripada tuntutan kerjaya dan tiadanya prasarana sokongan.
51. PN-1132-L955
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai petugas wanita yang berkhidmat dengan Tabung Haji dalam membantu jemaah haji terutama wanita sepanjang mengerjakan ibadah tersebut di Tanah Suci sejak tahun 2000.
52. PN-1132-L908
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah cara dan usaha yang telah dilakukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengutip balik pinjaman pelajaran berjumlah lebih RM284 juta membabitkan 16,000 pelajar tajaan JPA..
53. PN-1132-L922
Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd Zabidin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah penilaian yang dibuat dalam menentukan penempatan guru-guru Bahasa Inggeris ke sekolah-sekolah luar bandar.

54. PN-1132-L1218
Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah-langkah dalam meningkatkan mutu perkhidmatan bot penumpang di Langkawi. Ini kerana terdapat bot penumpang yang tidak selesa dan keadaan bot yang tidak memuaskan.
55. PN-1132-L944
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mewujudkan pasukan-pasukan khas yang terdiri daripada anggota polis atau tentera untuk dihantar dengan segera ke tempat yang mengalami bencana alam.
56. PN-1132-L986
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kedudukan Lapangan Terbang Senai sebagai 'Cargo Hub' serantau yang terulung. Apakah tindakan dan bantuan Kerajaan untuk menyelesaikan pertikaian antara pemaju dan pemilik tanah mengenai harga tanah yang mahal dan pengurangan laluan MAS di Lapangan Terbang Senai yang boleh menjejaskan perancangan masa depan 'cargo hub' tersebut.
57. PN-1132-L1086
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah pembinaan asrama Sekolah Menengah Benut, Pontian, Johor dapat dilaksanakan bagi meningkatkan infrastruktur dan menampung sebahagian bilangan pelajar orang asli negeri Johor.
58. PN-1132-L862
Tuan Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah tarikh terakhir kakitangan perkhidmatan awam mendapat penyemakan gaji dan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan penyemakan gaji untuk perkhidmatan awam bagi tahun ini ataupun masa terdekat memandangkan keadaan inflasi yang mendesak serta kenaikan kos sara hidup yang kian meningkat.
59. PN-1132-L1152
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa banyakkah wang KWSP dipinjam oleh Kerajaan dan senaraikan projek Kerajaan yang dibiayainya. Berapakah pula pulangan yang didapati apabila meminjamkan wang KWSP kepada Kerajaan. Jika wang dilabur di syarikat besar, namakan syarikat-syarikat ini serta jumlah pelaburan dan pulangannya.
60. PN-1132-L984
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan berapa lama lagikah Program Latihan Khidmat Negara akan dijalankan. Adakah taraf dan mutu program ini setaraf dan setanding dengan negara-negara lain seperti Singapura.

61. PN-1132-L998
Dr. Raja Ram a/l K.Nadayson minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebarang cadangan untuk menaikkan gaji kakitangan awam yang berhadapan dengan masalah kenaikan harga minyak dan harga barangan penggunaan harian.
62. PN-1132-L883
Tuan Chua Kim Chuan minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memelihara warisan semula jadi seperti hutan, gunung, gua, sungai, flora dan fauna.
63. PN-1132-L1156
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapakah pegawai penguat kuasa JAWI tidak membuat serbuan ke atas gadis-gadis Melayu yang bekerja di rumah urut dan kelab karaoke, kerana Mufti Wilayah Persekutuan dan Majlis Fatwa Kebangsaan telah pun memaklumkan bahawa adalah haram bagi gadis urut dan GRO melayan lelaki yang bukan muhrim dan mengurus alat kelamin lelaki. Lagipun perbuatan ini adalah bertentangan sama sekali dengan syariat.
64. PN-1132-L972
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan berapa peratuskah pembangunan Putrajaya sudah dilaksanakan dan kos keseluruhannya yang sudah dibelanjakan untuk pembangunan tersebut. Benarkah pelaksanaan keseluruhan pembangunan Putrajaya terpaksa diperlahankan kerana beban kewangan.
65. PN-1132-L834
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik yang merangkumi jumlah plaintif wanita Islam yang memfailkan permohonan cerai di seluruh negara dan rumusan terhadap punca-punca yang membawa kepada permohonan cerai tersebut.
66. PN-1132-L1039
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah mekanisma yang akan diguna pakai oleh Kementerian untuk membantu mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar terutamanya di dalam pengagihan projek dan peruntukan agar ianya dapat dilaksanakan dan dinikmati oleh golongan rakyat di luar bandar.
67. PN-1132-L1328
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan kenaikan harga minyak serta kos-kos yang sama turut naik apakah unjuran pencapaian ekonomi kita sehingga akhir tahun 2006.

68. PN-1132-L1235
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mengurangkan kesan kenaikan harga minyak dunia terhadap ekonomi negara dan adakah Kerajaan terpaksa menaikkan lagi harga petrol dan diesel dalam tempoh terdekat ini.
69. PN-1132-L1064
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik pelajar-pelajar yang berjaya memasuki IPTA mengikut kaum dan kursus.
70. PN-1132-L1173
Dato' Haji Muhamad bin Haji Abdul Ghani minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah yang menyebabkan tertanggunya projek saluran paip gas yang MOUnya telah ditandatangani oleh KUB dan anak syarikat Kerajaan Negeri Kelantan untuk didaratkan di Kelantan.
71. PN-1132-L1301
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status bangunan Arked Mara Kluang sekarang ini serta apakah inisiatif pihak Kerajaan untuk menarik minat usahawan bumiputera menyewanya kerana Arked Mara Kluang semakin pudar popularitinya serta kekurangan penyewa.
72. PN-1132-L1116
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi mengawal program-program yang menonjolkan artis-artis agar mereka lebih bersopan santun baik daripada segi pertuturan mahupun etika berpakaian agar ia tidak menjadi ikutan anak-anak muda di negara ini.
73. PN-1132-L914
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pembabitan pelaburan Tabung Haji dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) dan berapa banyak syarikat yang terbabit serta jumlah pelaburan yang telah dikeluarkan setakat ini.
74. PN-1132-L822
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian tidak bercadang untuk merangka suatu model komunikasi yang boleh dijadikan replika kepada sistem media bagi negara Asia yang maju tetapi tetap meningkatkan ciri-ciri adab ketimurannya.

75. PN-1132-L1318
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan memandangkan Kerajaan berhasrat untuk mencapai rumah setinggah sifar sebelum tahun 2007 di Wilayah Persekutuan, setakat ini apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh pihak DBKL untuk merealisasikan sasaran ini. Berapakah projek perumahan PPR atau kos rendah telah disiap dan berapa telah dijalankan dan dirancangkan.
76. PN-1132-L880
Datin Naomi Chong Set Mui minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah tarif elektrik untuk negeri Sabah akan dinaikkan walaupun kejadian bekalan elektrik terputus sering berlaku di bandar-bandar utama seperti Sandakan, Tawau dan Kota Kinabalu hingga menyebabkan keraguan dan masalah kepada pengguna.
77. PN-1132-L1288
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan perancangan dan pelan tindakan Kementerian memajukan prasarana kemudahan OKU yang bertaraf cemerlang, gemilang dan terbilang agar setanding dengan negara maju.
78. PN-1132-L930
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah benar cuti yang panjang di hujung tahun (November, Disember) membuatkan murid-murid bosan dan mula terjebak dalam hal-hal yang tidak diingini. Adakah Kementerian membuat penyelidikan mengenai cuti yang panjang ini.
79. PN-1132-L1302
Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Daerah Kluang dalam RMK-9, memandangkan daerah ini seharusnya mempunyai sebuah, jika ya, di mana dan bilakah ianya akan dijalankan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

- | | | | |
|----|----------------|--|-------------------------------|
| 1. | (D.R. 19/2006) | Rang Undang-undang Kumpulan Wang Yayasan Tunku Abdul Rahman (Pindaan) 2006 – Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”.
[24 Julai 2006] | |
| 2. | (D.R. 18/2006) | Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2006 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 23/2006) | Rang Undang-undang Kepentingan Antarabangsa Mengenai Kelengkapan Bergerak (Pesawat Udara) 2006 | |
| 4. | (D.R. 11/2006) | Rang Undang-undang Profesion Undang-undang (Pindaan) 2006 | “ |
| 5. | (D.R. 15/2004) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 | “ |
| | | DAN | “ |
| | (D.R. 16/2004) | Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2004 | |

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2006</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Bagi Tahun 2003 (Telah Diaudit)	25 Julai 2006
ST.113	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Amanah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	25 Julai 2006
ST.118	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	25 Julai 2006
ST.122	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bagi Tahun 2003.	25 Julai 2006
ST.123	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Stadium Merdeka Bagi Tahun 2004.	25 Julai 2006
ST.126	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan Bagi Tahun 2005 (Telah Diaudit)	25 Julai 2006
ST.127	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Peperiksaan Malaysia Bagi Tahun 2004	25 Julai 2006
ST.131	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Akademi Sains Malaysia Bagi Tahun 2005	25 Julai 2006
ST.132	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) Bagi Tahun 2004 (Telah Diaudit)	25 Julai 2006